

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU  
MANSUR**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Datu Nasrun Bin Datu Mansur [Silam] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:-**

- (a) apakah perancangan pihak Kerajaan dalam menyusun semula penempatan Kampung Air di kawasan Pantai Timur Sabah; dan
- (b) apakah pula usaha Kerajaan untuk memastikan rakyat tempatan di kawasan kampung air tidak terjejas dari aspek penempatan di kawasan bandar dan peluang perumahan.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, dalam penyusunan semula penempatan Kampung Air di kawasan Pantai Timur Sabah, Kerajaan telah melaksanakan 2 siri bancian di Semporna dan Sandakan. Kedua-dua kawasan ini telah dikenalpasti mempunyai risiko tinggi dari aspek keselamatan.

Bancian yang melibatkan 9 buah kampong, mukim Simunul, Semporna telah dijalankan pada 30 Julai hingga 1 Ogos 2013. Hasil analisa terhadap data bancian tersebut, Kerajaan telah membina 832 unit rumah di Projek Perumahan Rakyat (PBR) di Jalan Bubul Lama dan 85% pembinaannya telah siap. Kerajaan juga dalam perancangan membina 539 unit rumah bagi Projek Bantuan Rumah (PBR) di kawasan Bugaya, Semporna. Kawasan perkampungan air Mukim Simunul ini akan dirobohkan seterusnya dipagar setelah penduduk dipindahkan ke penempatan baru kelak.

Bancian kedua telah melibatkan empat (4) buah perkampungan air iaitu Goodview, Forest, Cahaya Baru dan Mangkalinau, Sandakan telah dilaksanakan pada 15 hingga 17 Februari 2014. Mesyuarat di antara pihak berkuasa ESSCOM dan Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) pada 14 April 2014, telah memutuskan untuk memperuntukkan antara 500 ke 1000 unit rumah pangsa Fasa 1 bagi penempatan semula penduduk di perkampungan air. Rumah pangsa ini akan dibina berdekatan Kampung Cahaya Baru dan Kampung Batu 3 Jalan Bomba. Di samping itu, MPS

turut menyatakan kesediaan untuk memperuntukkan 60 ekar tanah di kawasan berhampiran bagi tujuan penempatan semula baki penduduk bertaraf warganegara yang memerlukan rumah iaitu sebanyak 589 unit.

Sekian. Terima kasih.